

NACCOL ambil tindakan tegas atasi isu minyak masak paket

Pasukan penguat kuasa diarah perketat pemeriksaan di sempadan

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Putrajaya: Majlis Tindakan Kos Sara Hidup Negara (NACCOL) dalam mesyuaratnya di sini, semalam sudah membuat beberapa ketetapan tegas untuk mendepani isu sekuriti makanan yang dihadapi rakyat sejak kebelakangan ini, khususnya membabitkan minyak masak berpaket.

Antara ketetapan yang diambil mesyuarat NACCOL yang dipengerusikan Perdana Menteri, Da-

tuk Seri Ismail Sabri Yaakob adalah untuk mengerah penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) untuk menggempur kilang pembungkusan minyak masak berpaket yang disyaki melakukan penyelewengan.

Pasukan penguat kuasa itu juga diarah memperketatkan pemeriksaan di sempadan negara bagi mengawal kemungkinan berlaku penyelewengan dan penyeludupan bahan asas makanan itu.

Ismail Sabri berkata, kerajaan juga akan melaksanakan operasi pengauditan dan pemutihan secara komprehensif membabitkan semua 22 pengeluar serta 305 premis pembungkusan semula minyak masak paket yang beroperasi di seluruh negara.

Katanya, operasi pengauditan

dan pemutihan itu bertujuan bagi mendapatkan status sebenar mengenai jumlah minyak masak paket yang dikeluarkan oleh syarikat pengeluaran dan pembungkusan serta maklumat lengkap penerima minyak masak bersubsidi itu.

“Langkah itu bagi memastikan peruntukan subsidi minyak masak sebanyak RM4 bilion yang disalurkan pada tahun ini untuk mengurangkan beban Keluarga Malaysia tidak berlaku ketirisan dalam setiap peringkat rantaian serta ia sampai kepada pengguna.

“Tindakan tegas, termasuk membatalkan kuota dan lesen yang diberikan kepada pengilang dan pembungkus akan diambil dalam usaha menangani ketirisan pendedaran minyak masak bersubsidi,” katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Mesyuarat NACCOL semalam turut dihadiri beberapa menteri Kabinet serta wakil Jabatan Pe-

BH - 5/7/2022 mlh: 2

rangkaan Malaysia (DOSM), Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER), Institut Penyelidikan Khazanah (KRI), Majlis Tindakan Ekonomi Melayu (MTEM), Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) dan Persatuan Rantaian Peruncit Malaysia (MRCA).

Dalam mesyuarat itu, lima kertas dibentangkan oleh KPDNHEP, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi serta DOSM.

Bermula 1 Julai lalu, kerajaan memansuhkan program subsidi sementara merangkumi minyak masak berbotol bagi 1 kilogram (kg), 2kg, 3kg dan 5kg, membatalkan peruntukan berjumlah RM55 juta sebulan.

Namun kerajaan mengekalkan subsidi minyak masak berpaket dengan peruntukan RM4 bilion

sepanjang tahun ini.

Subsidi itu ditanggung kerajaan untuk minyak masak berpaket bagi membolehkan ia dijual pada harga RM2.50 sekilogram, berbanding harga pasaran sebenarnya iaitu RM9 sekilogram.

Ismail Sabri juga menjelaskan edaran minyak masak paket bersubsidi di dalam negara berjumlah 60,000 tan sebulan adalah melebihi daripada penggunaan isi rumah dalam negara. Perangkaan menunjukkan jumlah penggunaan minyak masak berpaket di seluruh negara hanya 55,000 tan sebulan.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, NACCOL juga bersejua bahawa sekuriti makanan dijadikan keutamaan dalam konteks Keselamatan Dalam Negeri bagi mengatasi masalah berkecukupan yang menyebabkan peningkatan kos sara hidup rakyat Malaysia.